



**TEKS UCAPAN  
YB CHANG LIH KANG  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA 2030  
(DTNN 2030)**

**20 SEPTEMBER 2023  
HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA**

**Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin Bin Hassim**

Ketua Setiausaha MOSTI;

**Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Azman Bin Hassan**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi),  
MOSTI;

**Yang Berusaha Dr. Rosli Bin Darmawan**

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia;

**Yang Berbahagia Academician Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**

Pengerusi Task Force Pembangunan Dasar Teknologi Nuklear  
Negara 2030;

Pengurusan Tertinggi MOSTI, Ketua-Ketua Jabatan,

Para-Para Media,

Serta Sidang Hadirin Yang Dikasihi

## **Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Pertama sekali, saya memanjatkan kesyukuran kerana kita semua dapat bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030)** pada pagi ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua hadirin serta pegawai dan pemegang taruh yang turut bersama di majlis yang cukup simbolik kepada usaha negara dalam pembangunan bidang teknologi nuklear.

Hadirin sekalian,

3. Teknologi nuklear telah digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor ekonomi utama di Malaysia. Seiring dengan kemajuan pesat industri negara serta kelebihan teknologi nuklear sebagai penyelesaian yang kos efektif kepada pemain industri, peranan teknologi nuklear dijangka akan semakin meningkat pada masa hadapan. Maka, tumpuan perlu diberikan kepada pengukuhan ekosistem teknologi nuklear kebangsaan ke arah meningkatkan sumbangannya kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

4. Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030) merupakan dasar yang signifikan dalam usaha MOSTI untuk merangka hala tuju strategik jangka panjang bagi memacu pembangunan teknologi nuklear negara sehingga tahun 2030. Dasar ini juga menyokong matlamat negara ke arah mencapai hasrat menjadi negara berteknologi tinggi seperti yang diaspirasikan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030. Strategi dan inisiatif yang digariskan dalam dasar ini memberi penekanan untuk mewujudkan ekosistem teknologi nuklear negara yang mampan serta membentuk asas yang kukuh dalam mengarusperdanakan teknologi nuklear secara aman di Malaysia.
  
5. Bagi mempergiatkan ekosistem R&D&C&I (penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi), YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dalam ucapan beliau semasa merasmikan Majlis Peluncuran Ekonomi Madani pada 27 Julai 2023 yang lepas telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan tambahan RM100 juta dengan tumpuan kepada keperluan industri, tenaga boleh baharu, keterjaminan makanan serta aktiviti pertumbuhan baharu. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai *Gross Domestic Expenditure on R&D* (GERD) sebanyak 3.5% kepada KDNK menjelang

tahun 2030 dan meningkatkan kedudukan negara kepada 20 senarai teratas dalam *Global Innovation Index (GII)* menjelang 2025.

6. Adalah menjadi harapan saya agar dasar-dasar ini dapat memberikan panduan strategik serta dorongan yang diperlukan untuk Malaysia merealisasikan Ekonomi MADANI.
7. Pelaksanaan DTNN 2030 akan membolehkan negara memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi nuklear secara aman untuk pembangunan sosio-ekonomi negara dan meletakkan negara setanding dengan negara-negara maju yang lain.
8. Untuk tujuan ini, DTNN 2030 menetapkan empat (4) Teras Strategik, 18 Strategi dan 13 sasaran utama melibatkan pihak berkepentingan dalam pelbagai sektor ekonomi yang telah dikenalpasti bagi mencapai visi dan hala tuju ekosistem teknologi nuklear negara. Selain itu, dasar ini telah mengenalpasti enam (6) Sektor Fokus Utama sebagai sektor yang boleh dipertingkatkan keupayaannya melalui penggunaan teknologi nuklear iaitu:
  - (i) perubahan dan penjagaan kesihatan;
  - (ii) makanan dan pertanian;
  - (iii) pembuatan peranti dan peralatan;

- (iv) pengurusan alam sekitar dan sumber asli;
  - (v) aplikasi perindustrian; dan
  - (vi) keselamatan dan sekuriti nuklear
9. Melalui kerangka DTNN 2030 berserta dokumen pelan tindakan yang telah disediakan, sasaran penggunaan teknologi nuklear dalam bidang khusus sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) negara disasarkan akan meningkat sebanyak 40% daripada data asas bidang STIE semasa.
10. Sehubungan itu, DTNN 2030 telah meletakkan strategi yang kukuh bagi menjayakan transformasi bidang teknologi nuklear. Ia bakal dipacu melalui kerjasama awam dan swasta bagi meningkatkan tahap penerimaan teknologi ini.
11. Melalui pelaksanaan DTNN 2030, bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi akan terus menjadi tonggak dalam pembangunan bidang sains, teknologi dan inovasi di bawah MOSTI. Seajar dengan ini, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan akan memacu kemajuan teknologi nuklear di Malaysia, yang akan membuahkan manfaat kepada rakyat. Dengan memanfaatkan teknologi nuklear yang selamat dan berhemah, kita dapat memenuhi keperluan sosio-ekonomi

negara termasuklah membuka peluang ekonomi dan pekerjaan baharu.

12. Saya menyeru semua pihak untuk menjayakan pelaksanaan dasar DTNN ini, menerusi kolaborasi bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) demi mengarusperdanakan teknologi nuklear secara aman di Malaysia, yang sekaligus akan memberi impak positif kepada rakyat Malaysia ke arah kualiti hidup yang lebih baik.
13. Akhir kata, dengan ini saya melancarkan **Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030**.

Sekian, terima kasih.